



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2008

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN  
DAN PRESTASI KEWANGAN



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## **KATA PENDAHULUAN**

## KATA PENDAHULUAN

1. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
2. Mulai tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah menyediakan Laporan Badan Berkanun Persekutuan secara berasingan iaitu Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan serta Laporan Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2008. Laporan ini disediakan selepas semua Badan Berkanun Persekutuan menyerahkan Penyata Kewangannya untuk diaudit dan Sijil Audit dikeluarkan.
3. Pada tahun 2009, sebanyak 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk Kumpulan Wang bagi tahun kewangan 2008 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Daripada 129 penyata kewangan tahun 2008 yang telah diaudit, sejumlah 128 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan satu Sijil Berteguran.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

4 November 2009

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeliling kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara

untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga bulan Oktober 2009, sebanyak 118 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Senarai Badan Berkanun Persekutuan berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**.

# **PENYATA KEWANGAN**

## PENYATA KEWANGAN

### 1. PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2009, sebanyak 118 Badan Berkanun Persekutuan perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Ketua Audit Negara juga mengaudit 12 Kumpulan Wang. Pada bulan Ogos 1999, Jemaah Menteri telah memberi pengecualian kepada Perbadanan Padang Golf Subang daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitinya bagi tahun 1968 hingga 1999 kerana ia akan dibubarkan. Sehingga kini, didapati proses pembubaran masih belum selesai. Perbadanan dinasihat memohon pengecualian Jemaah Menteri daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitinya bagi tahun 2000 hingga 2009. Setakat 31 Oktober 2009, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit terhadap 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2008.

1.2 Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara mengaudit 25 daripada 129 penyata kewangan tahun 2008 manakala baki 104 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.3 Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang antaranya menetapkan panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, pemantauan terhadap pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara.

### 2. PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Bagi mempercepatkan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan di Parlimen, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan

Bilangan 4 Tahun 2007 bagi menggantikan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 1994 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan pada tahun yang sama. Selaras dengan pekeliling ini, Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaan penyata kewangan tersebut.

Sebanyak 121 penyata kewangan telah diterima sebelum 30 April 2009, manakala 8 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2009. Lapan Badan Berkanun Persekutuan berkenaan telah memohon lanjutan masa dan pihak Perbendaharaan telah meluluskan berdasarkan alasan yang diberi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG LEWAT MENGEUKAKAN  
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2008**

NAMA AGENSI	TARIKH MENGEUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
Suruhanjaya Koperasi Malaysia	15.05.2009	15	Lembaga Pengarah tidak bermesyuarat pada bulan April 2009 menyebabkan kelewatan penyerahan penyata kewangan.
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	15.05.2009	15	Pertukaran sistem manual kepada Sistem SAGA.
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	15.05.2009	15	Masalah Sistem SAGA untuk menyediakan penyata kewangan tahunan.
Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru	29.05.2009	29	Lewat menerima kadar dividen daripada Unit Aktuari.
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	18.06.2009	49	Kelewatan menyatukan penyata kewangan dengan syarikat subsidiari disebabkan subsidiari lewat mengemukakan penyata kewangan yang diaudit.
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	26.06.2009	57	Kekurangan pegawai untuk menyediakan penyata kewangan.
Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang	30.06.2009	61	Kekurangan pegawai untuk menyediakan penyata kewangan dan mengambil khidmat firma akauntan awam untuk menyiapkan penyata kewangan.
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	30.06.2009	61	Masalah Sistem SAGA untuk menyediakan penyata kewangan.

## **2.1 PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

Berdasarkan pengauditan terhadap 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2008, 128 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan satu Sijil Berteguran. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara berdasarkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2  
KEDUDUKAN JENIS SIJIL YANG DIKELUARKAN  
BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

JENIS SIJIL	TAHUN		
	2006	2007	2008
Tanpa Teguran	106	116	128
Berteguran	9	6	1
<b>JUMLAH</b>	<b>115</b>	<b>122</b>	<b>129</b>

Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, Ketua Audit Negara mengeluarkan 4 jenis sijil seperti berikut:

- 2.1.1 Sijil Tanpa Teguran apabila penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama;
- 2.1.2 Sijil Berteguran apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu material dan menyeluruh untuk mengeluarkan sijil *adverse* ataupun *disclaimer*;
- 2.1.3 Sijil *Adverse* apabila kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap penyata kewangan, mewujudkan kekeliruan ataupun ketidaksempurnaan penyata kewangan dan seterusnya tidak memberi gambaran benar dan saksama; dan
- 2.1.4 Sijil *Disclaimer* apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

## **2.2 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN**

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. Setakat

bulan Oktober 2009, kebanyakan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan Tahun 2008 Badan Berkanun Persekutuan yang telah diaudit sedang dalam proses pembentangan di Parlimen. Jabatan Audit Negara akan memantau status pembentangan penyata kewangan di Parlimen. Sehingga 31 Oktober 2009, 6 Badan Berkanun Persekutuan masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2007 sungguhpun Sijil Audit telah dikeluarkan pada tahun 2008.

### **3. PRESTASI KEWANGAN**

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

#### **3.1 PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH**

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah berdasarkan penyata kewangan 115 Badan Berkanun Persekutuan tahun 2008. Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilapor mengikut Kementerian berdasarkan analisis pendapatan, prestasi pemberian geran, pendapatan janaan sendiri, lebihan/(kurangan) pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset dan liabiliti serta tanggungan luar jangka. Di samping itu, prestasi 118 syarikat subsidiari milik 42 Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan. Perubahan angka perbandingan juga telah dibuat untuk mengambil kira pelarasan tahun lepas oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2008 adalah seperti di jadual berikut:


**JADUAL 3**  
**ANALISIS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2008**

KEMENTERIAN	BILANGAN BBP
Belia dan Sukan	2
Jabatan Perdana Menteri	9
Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	6
Kerja Raya	2
Kesihatan Malaysia	1
Kewangan	11
Pelajaran	3
Pelancongan	1
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2
Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	5
Pengajian Tinggi	23
Pengangkutan	11
Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4
Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	4
Pertahanan	4
Pertanian dan Industri Asas Tani	9
Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8
Sains, Teknologi dan Inovasi	1
Sumber Asli dan Alam Sekitar	3
Sumber Manusia	2
Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	1
Wilayah Persekutuan	2
<b>JUMLAH</b>	<b>115</b>

### 3.1.1    Analysis Pendapatan


3.1.1.1    Pada tahun 2008, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM60.43 bilion. Ini menunjukkan sedikit penurunan sejumlah RM0.67 bilion atau 1.1% berbanding RM61.10 bilion pada tahun 2007 iaitu jumlah yang telah dinyatakan semula dengan mengambil kira pendapatan geran. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM48.89 bilion atau 80.9% berbanding geran mengurus sejumlah RM11.54 bilion atau 18.1%. Carta di bawah menunjukkan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2007 dan 2008.

**CARTA 1**  
**PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2007 DAN 2008**



3.1.1.2 Pada tahun 2008, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh pendapatan tertinggi sejumlah RM31.78 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM9.94 bilion, Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM5.77 bilion dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sejumlah RM2.52 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain merangkumi RM10.39 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2008. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 2**  
**PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2007 DAN 2008**




3.1.1.3 Peningkatan pendapatan yang diperoleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah berjumlah RM1.36 bilion atau 15.9% manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri memperoleh peningkatan sejumlah RM0.44 bilion atau 8.2%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turut mengalami peningkatan sejumlah RM0.25 bilion kerana Majlis Amanah Rakyat diletakkan di bawah pengawasan Kementerian berkenaan bermula pada tahun 2008. Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mengalami sedikit penurunan pendapatan sejumlah RM270.03 juta atau 0.8%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain turut menunjukkan penurunan sejumlah RM5.29 bilion atau 33.7%.

### **3.1.2 Geran Mengurus**

3.1.2.1 Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

3.1.2.2 Pada tahun 2008, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM11.54 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.34 bilion atau 13.1% berbanding RM10.20 bilion pada tahun 2007. Pada keseluruhannya, penerimaan geran mengurus oleh Badan Berkanun Persekutuan tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM6.79 bilion. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM1.09 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah RM1.09 bilion dan seterusnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejumlah RM683.64 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain menerima geran mengurus sejumlah RM2.78 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3**  
**GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2007 DAN 2008**



3.1.2.3 Berdasarkan carta 3, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus tertinggi sejumlah RM607.50 juta atau 9.8% yang meliputi sebanyak 45.1% daripada jumlah peningkatan keseluruhan penerimaan geran mengurus pada tahun 2008. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian Dan Asas Tani serta kementerian lain mencatatkan peningkatan sejumlah RM738.27 juta atau 52.3%.

3.1.2.4 Analisis mendapati Universiti Teknologi Mara merupakan penerima geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.55 bilion pada tahun 2008. Ini diikuti oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM1.03 bilion, Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM868.42 juta dan Universiti Kebangsaan Malaysia sejumlah RM804.82 juta.

3.1.2.5 Badan Berkanun Persekutuan yang menerima tambahan geran mengurus tertinggi pada tahun 2008 adalah Universiti Darul Iman Malaysia sejumlah RM41.62 juta, diikuti oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan

Iskandar sejumlah RM41 juta dan Akademi Sains Malaysia sejumlah RM1.64 juta.

3.1.2.6 Pada tahun 2008, terdapat beberapa Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air, Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Kesihatan yang menerima geran mengurus dengan peratusan yang lebih rendah berbanding tahun lepas.

3.1.2.7 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan menerima geran mengurus sejumlah RM25.09 juta berbanding RM57.36 juta pada tahun 2007 dengan penurunan sejumlah RM32.27 juta atau 56.3%.

Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air menerima geran mengurus sejumlah RM5 juta berbanding RM20 juta pada tahun 2007 dengan penurunan sejumlah RM15 juta atau 75%.

Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan pula menerima geran mengurus sejumlah RM37.78 juta berbanding RM47.33 juta pada tahun 2007 dengan penurunan sejumlah RM9.55 juta atau 20.2%.

Penurunan geran mengurus sejumlah RM2 juta atau 20% daripada tahun 2007 diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan iaitu RM8 juta berbanding RM10 juta pada tahun sebelumnya.

3.1.2.8 Seperti pada tahun 2007, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya tidak menerima sebarang geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2008.


**3.1.2.8 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan, sebanyak 78 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 18.9% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak 37 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2008.**

### **3.1.3 Pendapatan Janaan Sendiri**

3.1.3.1 Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk

dan perkhidmatan. Sebilangan kecil Badan Berkanun Persekutuan menerima sumbangan daripada agensi bukan Kerajaan. Carta berikut menunjukkan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2007 dan 2008.

**CARTA 4**  
**PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2007 DAN 2008**



3.1.3.2 Penyumbang pendapatan janaan sendiri tertinggi adalah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang menjana sejumlah RM30.69 bilion pada tahun 2008 iaitu merangkumi 62.6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM5.63 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM3.15 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM2.24 bilion. Jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain adalah sejumlah RM7.29 bilion.

3.1.3.3 Pada tahun 2008, sebanyak 7 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh pendapatan janaan sendiri melebihi RM1 bilion iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM15.32 bilion, Bank Negara Malaysia berjumlah RM8.16 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM3.80 bilion, Kumpulan Wang Persaraan berjumlah RM3 bilion, Pertubuhan

Keselamatan Sosial berjumlah RM2.23 bilion, Lembaga Minyak Sawit Malaysia berjumlah RM1.84 bilion dan Lembaga Tabung Haji berjumlah RM1.51 bilion.

### **3.1.4      Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan**


3.1.4.1    Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM27.20 bilion pada tahun 2008 iaitu penurunan sejumlah RM7.46 bilion atau 21.5% berbanding RM34.66 bilion pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2008, sebanyak 91 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM28.19 bilion berbanding 93 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM35.24 bilion pada tahun 2007. Sebanyak 24 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM993.79 juta berbanding 17 Badan Berkanun Persekutuan dengan kurangan pendapatan sejumlah RM577.75 juta pada tahun 2007. Jadual berikut menunjukkan prestasi lebihan/(kurangan) pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2007 dan 2008.

**JADUAL 4  
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2007 DAN 2008**

TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.
2007	35,241.65	93	(577.75)	17	34,663.90	110
2008	28,190.00	91	(993.79)	24	27,196.21	115
VARIANS	(7,051.65)	(20%)	(416.04)	(72%)	(7,467.69)	(21.5%)

3.1.4.2    Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh lebihan pendapatan tertinggi berjumlah RM22.58 bilion atau 83% daripada jumlah keseluruhan lebihan pendapatan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM2.14 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM1.03 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM0.86 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut :

**CARTA 5**  
**LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2007 DAN 2008**



3.1.4.3 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri mencatatkan peningkatan lebihan pendapatan paling ketara sejumlah RM0.22 billion menjadi RM2.14 billion berbanding RM1.92 billion pada tahun 2007. Ini disebabkan oleh peningkatan lebihan pendapatan 5 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan tersebut. Antaranya, peningkatan lebihan pendapatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia sejumlah RM0.49 juta menjadi RM0.50 juta, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar sejumlah RM13.92 juta menjadi RM15.41 juta, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang sejumlah RM23.63 juta menjadi RM26.54 juta, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sejumlah RM204.91 juta menjadi RM1.01 bilion dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sejumlah RM8.42 juta menjadi RM53.24 juta pada tahun 2008. Peningkatan lebihan pendapatan ini turut di sumbang lebihan pendapatan oleh Badan Berkanun Persekutuan yang baru beroperasi pada tahun 2008 iaitu Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara berjumlah RM19.64 juta dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur berjumlah RM15.11 juta.

3.1.4.4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan mencatatkan penurunan lebihan pendapatan dengan ketara berjumlah RM330.41 juta atau melebihi 100% sehingga mengalami pengurangan pendapatan iaitu RM289.26 juta berbanding RM41.15 juta lebihan pendapatan

yang diperoleh pada tahun 2007. Ini disebabkan pengurangan pendapatan yang dialami oleh 3 Badan Berkanun Persekutuan berkenaan iaitu Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Lembaga Pelabuhan Kemaman. Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diletakkan di bawah Kementerian Kerja Raya mengalami pengurangan pendapatan berterusan berjumlah RM25.79 juta berbanding RM2.99 juta pada tahun 2007. Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut mengalami pengurangan pendapatan berjumlah RM46.73 juta berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM27.37 juta pada tahun 2007.


**3.1.4.5 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2008 sedikit terjejas dengan penurunan pendapatan sejumlah RM0.67 bilion atau 1.1% menjadi RM60.43 bilion berbanding RM61.10 pada tahun 2007. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan pendapatan janaan sendiri sejumlah RM1.26 bilion atau 2.5% berbanding pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan pada tahun lepas. Bilangan Badan Berkanun Persekutuan yang mengalami kerugian bertambah kepada 24 berbanding 17 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2007.**

### **3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul**

**3.1.5.1** Kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2008 adalah berjumlah RM167.18 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM15.78 bilion atau 10.4% berbanding RM151.40 bilion pada tahun 2007. Kumpulan wang terkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/(kurangan) pendapatan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Carta berikut menunjukkan kedudukan kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan yang tertinggi mengikut kementerian pada tahun 2008 berbanding tahun 2007.


**3.1.5.2** Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai kumpulan wang terkumpul yang tertinggi berjumlah RM51.76 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM33.19 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM23.44 bilion dan Kementerian Pengangkutan berjumlah RM22.54 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 6**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG TERTINGGI MENGIKUT KEMENTERIAN**  
**PADA TAHUN 2007 DAN 2008**



3.1.5.3 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mencatatkan peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul yang ketara sejumlah RM1.32 bilion atau 107.3% menjadi RM2.54 bilion, diikuti oleh Kementerian Kesihatan sejumlah RM3.89 juta atau 40.8% menjadi RM13.40 juta dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sejumlah RM906.31 juta atau 22.9% menjadi RM4.86 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7**  
**KEDUDUKAN PENINGKATAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN**




3.1.5.4 Peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sumbang oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad iaitu sejumlah RM751.36 juta atau 127.9% menjadi RM163.73 juta berbanding defisit sejumlah RM587.63 juta pada tahun 2007. Lembaga Pertubuhan Peladang turut menyumbang kepada peningkatan tersebut iaitu sejumlah RM316.68 juta atau 120.8% menjadi RM262.04 juta.

3.1.5.5 Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar merupakan Badan Berkanun Persekutuan mengalami peningkatan tertinggi Kumpulan Wang Terkumpul sejumlah RM253.09 juta menjadi RM254.58 juta berbanding RM1.49 juta pada tahun 2007.

3.1.5.6 Analisis antara kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mencatat penurunan Kumpulan Wang Terkumpul ketara sejumlah RM5.62 juta atau 30.1% menjadi RM13.05 juta berbanding RM18.67 juta pada tahun 2007 dikuti oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejumlah RM19.17 juta atau 12.2% menjadi RM138.18 juta dan Kementerian Wilayah Persekutuan sejumlah RM107.09 juta atau 2.2% menjadi RM4.82 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 8**  
**KEDUDUKAN PENURUNAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.5.7 Analisis antara Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan Lembaga Pelabuhan Kelang mencatatkan penurunan paling ketara sejumlah RM496.82 juta atau 41.4% menjadi RM703.18 juta berbanding RM1.20 bilion pada tahun 2007. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia pula

mencatatkan penurunan sejumlah RM46.73 juta menjadi RM94.59 juta.

3.1.5.8 Sehingga 31 Disember 2008, kumpulan wang terkumpul bagi dua Badan Berkanun Persekutuan masih mengalami defisit. Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengalami defisit sejak tahun 2005 iaitu berjumlah RM110.50 juta dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia masih menunjukkan pengurangan defisit kumpulan wang terkumpul seperti tahun lepas iaitu sejumlah RM44.19 juta. Badan Berkanun Persekutuan berkenaan perlu mengambil langkah bagi meningkatkan prestasi kewangan supaya tidak menjelaskan usaha berterusan.


Bagaimanapun, dua Badan Berkanun Persekutuan telah memperbaiki prestasi kumpulan wang terkumpul pada tahun 2008. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengalami peningkatan kumpulan wang terkumpul sejumlah RM184.12 juta atau 207.9% menjadi RM95.57 juta berbanding defisit sejumlah RM88.55 juta pada tahun 2007. Bank Pertanian Malaysia Berhad juga telah memperbaiki prestasinya iaitu sejumlah RM751.36 juta atau 127.9% menjadi RM163.73 juta berbanding defisit sejumlah RM587.63 juta pada tahun 2007.

### **3.1.6 Analisis Aset**

3.1.6.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa terdiri daripada harta tanah dan peralatan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, penghutang, tunai dan simpanan tetap.

3.1.6.2 Pada tahun 2008, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat penurunan sejumlah RM20.04 bilion atau 2.1% menjadi RM955.86 bilion berbanding RM975.90 bilion pada tahun 2007. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian ditunjukkan di carta berikut:

**CARTA 9**  
**PERATUSAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**




3.1.6.3 Berdasarkan carta 9, aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan merupakan 82.3% daripada aset Badan Berkanun Persekutuan yang berjumlah RM787.07 bilion diikuti oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak 4.4% yang berjumlah RM42.25 bilion. Nilai aset tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM346.11 bilion diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM344.52 bilion.

3.1.6.4 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan mencatat peningkatan jumlah aset yang ketara sebanyak 174% yang berjumlah RM3.21 bilion menjadi RM5.06 bilion berbanding RM1.85 bilion pada tahun 2007. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masing-masing mencatatkan peningkatan jumlah aset sebanyak 18.4% yang berjumlah RM5.43 bilion dan RM1.69 bilion menjadi RM34.93 bilion dan RM10.84 bilion.

3.1.6.5 Komponen aset kedua tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah wang tunai dan simpanan tetap berjumlah RM87.15 bilion yang mewakili 9.1% daripada jumlah aset. Ini menunjukkan penurunan sejumlah RM110.47 bilion atau 55.9% berbanding sejumlah RM197.62 bilion yang dimiliki pada tahun 2007. Kedudukan wang tunai dan simpanan tetap mengikut kementerian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 10**  
**PERATUSAN WANG TUNAI DAN SIMPANAN TETAP**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.6.6 Berdasarkan carta 10, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memiliki wang tunai dan simpanan tetap yang tertinggi iaitu RM54.39 bilion atau 62.4%. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja merupakan pemegang wang tunai dan simpanan tetap tertinggi berjumlah RM19.27 bilion diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM16.26 bilion.


3.1.6.7 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan mencatatkan peningkatan ketara melebihi 100% yang berjumlah RM413.83 juta menjadi RM444.54 juta berbanding RM30.71 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini juga diikuti oleh Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM1.71 bilion atau 42.5% menjadi RM5.73 bilion berbanding RM4.02 bilion pada tahun 2007.

3.1.6.8 Bagaimanapun, analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatat penurunan yang ketara sejumlah RM113.94 bilion atau 67.7% menjadi RM54.39 bilion berbanding RM168.33 bilion pada tahun 2007. Kementerian Pertahanan juga mencatat penurunan sejumlah RM535.52 juta atau 51.5% menjadi RM504.48 juta berbanding RM1.04 bilion pada tahun 2007.

3.1.6.9 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah merupakan pelaburan, wang tunai dan simpanan tetap. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pula terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, hartanah, bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia serta pemberian pinjaman. Berdasarkan

analisis, pelaburan Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM673.33 bilion atau 62% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM68.22 bilion atau 11.3% berbanding RM605.11 bilion pada tahun 2007. Carta berikut menunjukkan kedudukan pelaburan Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian:

**CARTA 11**  
**PERATUSAN PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**




3.1.6.10 Pada tahun 2008, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM632.51 bilion atau 94% daripada jumlah keseluruhan pelaburan Badan Berkanun Persekutuan. Di bawah Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM324.60 bilion diikuti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM251.72 bilion.

3.1.6.11 Badan Berkanun Persekutuan yang menunjukkan peningkatan pelaburan yang tertinggi adalah Bank Negara Malaysia sejumlah RM42.16 bilion atau melebihi 14.9% menjadi RM324.60 bilion berbanding RM282.44 bilion pada tahun 2007. Peningkatan pelaburan turut diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM23.17 bilion atau melebihi 10.1% menjadi RM251.72 bilion berbanding RM228.55 bilion pada tahun 2007.

### 3.1.7 Analisis Liabiliti

3.1.7.1 Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2008, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah menunjukkan penurunan sejumlah RM79.20 bilion atau 17% daripada RM465.05 bilion pada tahun 2007 menjadi RM385.85 bilion pada tahun 2008. Kedudukan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 12**  
**PERATUSAN LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**




3.1.7.2 Berdasarkan carta 12, Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM351.29 bilion atau 91% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mencatatkan liabiliti tertinggi sejumlah RM312.77 bilion yang antaranya terdiri daripada deposit oleh bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit oleh Kerajaan Malaysia dan deposit lain.

3.1.7.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah mengalami peningkatan liabiliti yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM3.03 juta menjadi RM3.36 juta berbanding RM0.30 juta pada tahun 2007. Punca peningkatan liabiliti disebabkan oleh peningkatan pembiayaan pembekal dan pembiayaan gaji selaras dengan pertambahan bilangan pelajar dan kakitangan yang diambil oleh UPNM pada tahun 2008. Selain itu, Universiti Malaysia Pahang di bawah Kementerian yang sama turut menunjukkan peningkatan liabiliti melebihi 100% iaitu sejumlah RM31.60 juta menjadi RM41.27 juta berbanding RM9.66 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini berikutan pertambahan pembiayaan operasi sejumlah RM30.30 juta pada tahun 2008.

3.1.7.4 Penurunan ketara jumlah liabiliti ditunjukkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang-Teluk EWA (SPPP-Teluk EWA) di bawah Kementerian Pengangkutan yang menurun sejumlah RM3 juta atau 94.4% menjadi RM0.16 juta berbanding RM3.16 juta pada tahun 2007. Ini disebabkan SPPP-Teluk EWA telah menyelesaikan pelbagai pembiayaan dan tanggungan terakru pada tahun 2007.

3.1.7.5 Berdasarkan analisis, pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM17.82 bilion iaitu 4.6% daripada jumlah liabiliti pada tahun 2008. Pinjaman ini telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.23 bilion atau 30.9% berbanding RM13.68 bilion pada tahun sebelumnya. Analisis menunjukkan hanya 27 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai pinjaman setakat 31 Disember 2008. Carta berikut menunjukkan pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian:

**CARTA 13**  
**PERATUSAN PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.7.6 Berdasarkan carta 13, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM12.62 bilion atau 71%, diikuti oleh Kementerian Pengangkutan sejumlah RM2.06 bilion atau 12% dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejumlah RM1.13 bilion atau 6%.

3.1.7.7 Pada tahun 2008, peningkatan pinjaman yang ketara ditunjukkan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi iaitu LGM Properties dengan peningkatan melebihi 100% iaitu RM5.81 juta menjadi RM5.93 juta berbanding RM0.12 juta pada tahun 2007. Punca utama peningkatan adalah disebabkan LGM Properties mempunyai jumlah terhutang kepada perbadanan induk berjumlah RM5 juta. Kementerian Pertahanan telah mengalami penurunan pinjaman sebanyak 81.4% atau sejumlah RM13.94 juta melalui Perbadanan Perwira Niaga Malaysia. Punca utama penurunan adalah disebabkan pengurangan baki terhutang kepada syarikat subsidiari pada tahun 2008.

3.1.7.8 Selain itu, terdapat satu Badan Berkanun Persekutuan telah menjelaskan semua pinjaman pada tahun 2008 iaitu Bank Simpanan Nasional berjumlah RM300 juta.

### 3.1.8 Analisis Tanggungan Luar Jangka

3.1.8.1 Setakat 31 Disember 2008, sebanyak 16 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai tanggungan luar jangka berjumlah RM7.58 bilion dengan penurunan sejumlah RM2.41 bilion atau 24.2% berbanding RM9.99 bilion pada tahun 2007. Bank Negara Malaysia mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi berjumlah RM6.94 bilion diikuti oleh Bank Simpanan Nasional berjumlah RM405.41 juta dan Lembaga Lebuhraya Malaysia berjumlah RM69.36 juta.

3.1.8.2 Tanggungan luar jangka Bank Negara Malaysia merupakan kewajipan membayar sepenuhnya jumlah kuota Malaysia di Tabung Kewangan Antarabangsa berjumlah RM6.88 bilion dan bayaran terhadap bahagian yang belum matang berjumlah RM64.49 juta bagi 3,220 unit saham yang dipegang di *Bank For International Settlement*. Tanggungan luar jangka Bank Simpanan Nasional disebabkan komitmen tidak boleh batal untuk memberikan kredit manakala tanggungan luar jangka Lembaga Lebuhraya Malaysia disebabkan oleh tuntutan pampasan pengambilalihan tanah berjumlah RM9.36 juta dan tuntutan kes sivil yang belum dijelaskan berjumlah RM60 juta. Butiran lanjut mengenai 5 Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi adalah seperti dijadual berikut:

**JADUAL 5  
TANGGUNGAN LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

NAMA AGENSI	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Bank Negara Malaysia	7,345.91	6,944.98
Bank Simpanan Nasional	622.26	405.41
Lembaga Lebuhraya Malaysia	57.63	69.36
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	61.30	53.59
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	32.06	37.06
<b>JUMLAH</b>	<b>8,119.16</b>	<b>7,510.40</b>

### 3.2 PRESTASI PENGGUNAAN GERAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2008, sebanyak 53 daripada 115 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM6.20 bilion. Jumlah ini meningkat berbanding tahun 2007 yang mana 54 daripada 104 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM4.71 bilion. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan dibuat terhadap Badan Berkanun Persekutuan di

bawah 4 Kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Analisis menunjukkan perkara berikut:

### **3.2.1 Kementerian Pengangkutan**

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah untuk pembangunan dan pembinaan termasuk penyenggaraan infrastruktur bagi penggalakan industri pengangkutan serta pembiayaan aset. Pada tahun 2008, hanya 3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan menerima geran pembangunan iaitu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pelabuhan Kuantan dan Perbadanan Aset Keretapi. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM3.20 bilion iaitu pertambahan sejumlah RM1.70 bilion atau 113% berbanding RM1.50 bilion yang diterima dalam tahun 2007. Perbadanan Aset Keretapi menerima geran tertinggi berjumlah RM3.12 bilion atau 97.4% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. Geran yang diterima adalah untuk pembiayaan projek penyenggaraan infrastruktur kereta api dan masih di peringkat kerja dalam pelaksanaan pada akhir tahun 2008. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah berjumlah RM11.97 bilion berbanding RM8.97 bilion pada tahun 2007. Ini adalah kerana terdapat pertambahan geran pembangunan bagi tahun semasa dan masih ada projek yang belum diselesaikan sepenuhnya untuk dipermodalkan sebagai aset tetap.

### **3.2.2 Kementerian Pengajian Tinggi**

Geran pembangunan yang diberi kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2008 berjumlah RM1.35 bilion berbanding tahun 2007 sejumlah RM1.55 bilion selepas pelarasan iaitu penurunan berjumlah RM200 juta atau 12.9%. Universiti Teknologi MARA merupakan penerima geran pembangunan tertinggi bagi tahun 2008 iaitu berjumlah RM793.71 juta berbanding RM447.30 juta pada tahun 2007. Penerimaan geran ini adalah khusus untuk pembangunan kampus, kemudahan peralatan pengajaran dan penyelidikan. Di samping itu, Universiti Darul Iman Malaysia juga menerima geran pembangunan tambahan berjumlah RM24.54 juta pada tahun 2008 berbanding RM4 juta yang diterima pada tahun 2007. Pemberian geran pembangunan yang tinggi pada tahun 2008 kepada Universiti Darul Iman

Malaysia adalah bagi tujuan pembangunan kampus baru di Besut, Terengganu. Baki geran pembangunan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir tahun 2008 berjumlah RM11.71 bilion.

### **3.2.3 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah ialah antaranya memajukan masyarakat luar bandar dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha pembangunan manusia dan ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup. Selain itu, program tersebut juga meliputi pembangunan industri, perumahan dan kemudahan infrastruktur. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah pada tahun 2008 berjumlah RM671.16 juta berbanding RM101.63 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan mendadak ini adalah kerana Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Oleh yang demikian pada tahun 2008, Badan Berkanun Persekutuan yang menerima geran tertinggi adalah MARA yang berjumlah RM595.46 juta. Geran ini diterima bagi melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan antaranya pembinaan rumah kedai, pembinaan bangunan Maktab Rendah Sains MARA, perolehan dan naik taraf imej premis. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini berjumlah RM8.34 bilion pada akhir tahun 2008 belum dibelanjakan sepenuhnya disebabkan projek yang dirancang di bawah program pembangunan belum selesai dilaksanakan.

### **3.2.4 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah menaik taraf kemudahan pertanian, membangunkan kemudahan penyelidikan, membaik pulih peralatan dan pembangunan projek khas. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2008 berjumlah RM224.44 juta berbanding RM296.78 juta pada tahun sebelumnya. Badan Berkanun Persekutuan yang menerima geran tertinggi adalah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berjumlah RM42.52 juta. Geran ini diterima untuk membayai aktiviti pembangunan infrastruktur seperti penambahbaikan kompleks perikanan, pembinaan jeti dan pemberian khusus dana bagi membantu nelayan terutamanya menggalakkan sektor perikanan secara komersial.

Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini berjumlah RM1.23 bilion pada akhir tahun 2008 belum dibelanjakan

sepenuhnya disebabkan projek yang dirancang di bawah program pembangunan belum selesai dilaksanakan.

### 3.3 PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

3.3.1 Pada tahun 2008, secara keseluruhannya sebanyak 42 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 118 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 51% berbanding 114 syarikat subsidiari pada tahun 2007. Sebanyak 62 daripada 118 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan berjumlah RM1.90 bilion pada tahun 2008. Keuntungan syarikat subsidiari ini telah meningkat sejumrah RM230.82 juta atau 13.8% berbanding RM1.67 bilion pada tahun 2007, manakala 51 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian berjumlah RM143.44 juta pada tahun 2008 berbanding kerugian pada tahun 2007 berjumlah RM97.30 juta bagi 45 syarikat subsidiari. Kedudukan syarikat subsidiari yang mengalami keuntungan dan kerugian pada tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6  
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2007	69	1,666.36	45	(97.30)
2008	62	1,897.18	51	(143.44)

3.3.2 Berdasarkan analisis terhadap 118 syarikat subsidiari pada tahun 2008, sebanyak 98 syarikat subsidiari masih beroperasi, 12 baru ditubuhkan, 2 telah berhenti operasi dan 6 tidak aktif.

### 3.4 RUMUSAN

3.4.1 Pada tahun 2008, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan secara keseluruhannya mencatat sedikit penurunan. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM60.43 bilion menurun sejumrah RM0.67 bilion atau 1.1% berbanding RM61.10 bilion pada tahun 2007. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumrah RM49 bilion atau 80.9% berbanding geran mengurus sejumrah RM11.54 bilion atau 19.1%. Begitu juga aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat penurunan sejumrah RM20.04 bilion atau 2.1% menjadi RM955.86 bilion berbanding RM975.90 bilion pada tahun 2007. Liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah menunjukkan penurunan sejumrah RM79.20 bilion atau 17% daripada RM465.05 bilion pada tahun 2007 menjadi RM385.85 bilion pada tahun 2008.

3.4.2 Bagi prestasi penggunaan geran pembangunan di bawah 4 Kementerian, analisis mendapati Kementerian Pengajian Tinggi masih menerima geran tertinggi melalui Universiti Teknologi MARA berjumlah RM793.71 juta berbanding RM447.30 juta pada tahun 2007. Pada 31 Disember 2008, baki kumpulan wang pembangunan untuk 4 kementerian tersebut adalah berjumlah RM33.25 bilion. Baki kumpulan wang pembangunan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh aset yang dibeli masih belum dilunaskan sepenuhnya mengikut jangka hayat aset berkenaan dan projek pembangunan yang belum selesai, terbengkalai atau belum dimulakan.

3.4.3 Di samping itu, prestasi syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya dengan keuntungan meningkat sejumlah RM230.82 juta menjadi RM1.90 bilion pada tahun 2008. Bagaimanapun, 51 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian pada tahun 2008 yang berjumlah RM143.44 juta berbanding 45 syarikat subsidiari dengan kerugian berjumlah RM97.30 juta pada tahun 2007.

# **PENUTUP**

## **PENUTUP**

Pada keseluruhannya, semua Badan Berkanun Persekutuan dapat mengemukakan penyata kewangan tahun 2008 untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun 2009 seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Semua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang memerlukan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standards* (FRS) dan *Private Entity Reporting Standards* (PERS) berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.

Prestasi penyediaan penyata kewangan oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah baik. Daripada 129 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2008 yang telah diaudit, 128 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan satu Sijil Berteguran. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah hasil daripada pelaksanaan Pekeliling Bilangan 4 Tahun 2007 yang membenarkan Badan Berkanun Persekutuan menerima semula penyata kewangan yang telah diaudit bagi tujuan penambahbaikan sebelum Sijil Ketua Audit Negara dikeluarkan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**4 November 2009**

**SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN DAN  
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN**

**A JABATAN PERDANA MENTERI**

- 1 LEMBAGA TABUNG HAJI (**LTH**)
- 2 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (**MAIWP**)
- 3 KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA  
DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (**BIASISWA RAJA-RAJA**)
- 4 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (**FELDA**)
- 5 SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (**SUHAKAM**)
- 6 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (**PERDA**)
- 7 PIHK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (**IRDA**)
- 8 PIHK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (**NCIA**)
- 9 MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (**ECERDC**)

**B KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- 10 LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
- 11 PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)
- 12 PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)
- 13 PERBADANAN HAL EHWAH BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)

**C KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

- 14 PERBADANAN ASET KERETAPI (**PAK**)
- 15 LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)
- 16 SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (**SPPP**)

## LAMPIRAN A

17	LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN ( <b>LPKUANTAN</b> )
18	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR ( <b>LP JOHOR</b> )
19	LEMBAGA PELABUHAN BINTULU ( <b>LP BINTULU</b> )
20	LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN ( <b>LP KEMAMAN</b> )
21	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJONG PELEPAS ( <b>LPJOHOR-TG. PELEPAS</b> )
22	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA ( <b>SPPP - TELUK EWA</b> )
23	LEMBAGA PELABUHAN MELAKA ( <b>LPM</b> )
24	INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA ( <b>MIROS</b> )
<b>D</b>	<b>KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR</b>
25	LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN TIMAH ( <b>TIMAH</b> )
26	LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA ( <b>JURUKUR</b> )
27	INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA ( <b>FRIM</b> )
<b>E</b>	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT</b>
28	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA ( <b>LPPKN</b> )
29	LEMBAGA WAKAF HINDU PULAU PINANG ( <b>WAKAF HINDU</b> )
<b>F</b>	<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI</b>
30	PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA ( <b>MPC</b> )
31	LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA ( <b>MIDA</b> )
32	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA ( <b>MATRADE</b> )
33	PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA ( <b>SME CORP. MALAYSIA</b> )

<b>G</b>	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>
34	BANK NEGARA MALAYSIA ( <b>BNM</b> )
35	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA ( <b>KWSP</b> )
36	BANK SIMPANAN NASIONAL ( <b>BSN</b> )
37	LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA ( <b>LTM</b> )
38	YAYASAN TUN RAZAK ( <b>YTR</b> )
39	LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI ( <b>LADA</b> )
40	INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA ( <b>MIA</b> )
41	LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN ( <b>LOFSA</b> )
42	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA ( <b>LHDNM</b> )
43	PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ( <b>PIDM</b> )
44	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) ( <b>KWAP</b> )
45	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD ( <b>BANK RAKYAT</b> )
<b>H</b>	<b>KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN</b>
46	PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA ( <b>BERNAMA</b> )
47	LEMBAGA AMANAH BALAI SENI LUKIS NEGARA ( <b>SENI LUKIS</b> )
48	PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA ( <b>FINAS</b> )
49	PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA ( <b>KRAFTANGAN</b> )
50	AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN ( <b>ASWARA</b> )

I	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	
	51	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL ( <b>PERKESO</b> )
	52	PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ( <b>PTPK</b> )
J	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	
	53	LEMBAGA GETAH MALAYSIA ( <b>LGM</b> )
	54	LGM PROPERTIES CORPORATION ( <b>LGMPC</b> )
	55	RRIM CONSULT CORPORATION
	56	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA ( <b>MPOB</b> )
	57	LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA ( <b>LTN</b> )
	58	LEMBAGA KOKO MALAYSIA ( <b>KOKO</b> )
	59	LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA ( <b>MTIB</b> )
	60	LEMBAGA LADA MALAYSIA ( <b>MPB</b> )
K	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
	61	BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD ( <b>AGROBANK</b> )
	62	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ( <b>LKIM</b> )
	63	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG ( <b>LPP</b> )
	64	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN ( <b>FAMA</b> )
	65	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA ( <b>MADA</b> )
	66	YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA ( <b>YP MADA</b> )
	67	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU ( <b>KADA</b> )
	68	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA ( <b>MARDI</b> )

**LAMPIRAN A**

	69	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA ( <b>NANAS</b> )
<b>L</b>	<b>KEMENTERIAN KERJA RAYA</b>	
	70	LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA ( <b>LLM</b> )
	71	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA ( <b>CIDB</b> )
<b>M</b>	<b>KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN</b>	
	72	MAJLIS SUKAN NEGARA ( <b>MSN</b> )
	73	PERBADANAN STADIUM MERDEKA ( <b>PSM</b> )
	74	PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG
<b>N</b>	<b>KEMENTERIAN PELANCONGAN</b>	
	75	LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ( <b>LPPM</b> )
<b>O</b>	<b>KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI</b>	
	76	YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN ( <b>YTAR</b> )
	77	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL ( <b>PTPTN</b> )
	78	AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA ( <b>MQA</b> )
	79	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ( <b>UiTM</b> )
	80	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ( <b>UKM</b> )
	81	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA ( <b>UTM</b> )
	82	UNIVERSITI MALAYA ( <b>UM</b> )
	83	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA ( <b>USM</b> )
	84	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA ( <b>UPM</b> )
	85	PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA ( <b>PPUM</b> )
	86	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA ( <b>UUM</b> )

**LAMPIRAN A**

87	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK ( <b>UNIMAS</b> )
88	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH ( <b>UMS</b> )
89	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ( <b>UPSI</b> )
90	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA ( <b>USIM</b> )
91	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA ( <b>UTHM</b> )
92	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA ( <b>UTeM</b> )
93	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU ( <b>UMT</b> )
94	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG ( <b>UMP</b> )
95	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS ( <b>UniMAP</b> )
96	UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA ( <b>UDM</b> )
97	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ( <b>UMK</b> )
98	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA ( <b>UPNM</b> )
<b>P</b>	<b>KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA</b>
99	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ( <b>DBP</b> )
100	KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU ( <b>KWSG</b> )
101	MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA ( <b>MPM</b> )
<b>Q</b>	<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH</b>
102	PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH ( <b>RISDA</b> )
103	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH ( <b>KETENGAH</b> )
104	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH ( <b>KEDA</b> )
105	LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA ( <b>KEJORA</b> )

**LAMPIRAN A**

	106	LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN ( <b>KESEDAR</b> )
	107	MAJLIS AMANAH RAKYAT ( <b>MARA</b> )
	108	YAYASAN PELAJARAN MARA ( <b>YPM</b> )
<b>R</b>	<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN</b>	
	109	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA ( <b>SSM</b> )
	110	PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA ( <b>PHIM</b> )
	111	MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA ( <b>MKM</b> )
	112	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ( <b>SKM</b> )
<b>S</b>	<b>KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	
	113	PERBADANAN PUTRAJAYA
	114	PERBADANAN LABUAN
<b>T</b>	<b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b>	
	115	AKADEMI SAINS MALAYSIA ( <b>ASM</b> )
<b>U</b>	<b>KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN</b>	
	116	PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM ( <b>PPSPPA</b> )
<b>V</b>	<b>KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR</b>	
	117	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA ( <b>SPAN</b> )
<b>W</b>	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b>	
	118	LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA ( <b>LPKM</b> )

KUMPULAN WANG

- 1 YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)
- 2 KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
- 3 AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
- 4 TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH BORNEO (**TPLM**)
- 5 KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
- 6 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM - AWAM (**KWSJIA**)
- 7 AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)
- 8 KUMPULAN WANG AMANAH PENYUSUNAN SEMULA INDUSTRI (**IAF**)
- 9 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS HAYAT (**KWSJIH**)
- 10 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
- 11 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)
- 12 MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (**MSWP**)